

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-23**  
**Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong.**  
**Kuliah Maghrib kali ke-107**

Dan ilmu adalah salah satu daripada sifat Allah Ta'ala. Bagaimanakah sesuatu itu menjadi ilmu, dan bagaimanakah ia menjadi ilmu yang tercela?

Ketahuiilah kiranya, bahawa ilmu itu tidaklah tercela kerana ilmu itu sendiri, tetapi tercelanya adalah pada hak manusia, kerana salah satu dari **3 sebab** :

1. Ilmu itu membawa kemelaratan kepada tuan punya ilmu atau orang lain.
2. Biasanya ilmu itu membawa kemudharatan kepada tuan punya ilmu.
3. Ilmu yang tidak memberi ilmu kepada tuan punya ilmu.

### **SEBAB PERTAMA**

Adalah ilmu itu membawa kepada sesuatu kemelaratan, baik bagi yang mempunyai ilmu itu sendiri atau bagi orang lain, seperti tercelanya ilmu sihir dan mentera-mentera.

Dan ilmu itu menjadi sebab yang membawa kepada perceraian antara suami isteri. Rasulullah saw pernah disihir orang dan sampai sakit kerananya (dalam hadith Bukhari dan Muslim). Maka malaikat Jibril datang menyampaikan peristiwa itu kepada Nabi saw, dan mengambil benda sihir itu dari bawah batu pada dasar sumur.

Sihir itu adalah semacam keadaan yang diambil dari pengetahuan dengan khasiat benda-benda, disertai dengan hitungan tentang terbit bintang-bintang. Dari benda-benda itu diperbuat suatu patung menurut bentuk orang yang disihirkan. Dan diintip suatu waktu

tertentu dari terbit bintang-bintang, dan disertai pembacaan kalimat-kalimat yang berasal daripada kufur dan keji, yang menyalahi syariat. Dan dengan kalimat-kalimat itu, sampai kepada meminta tolong kepada para syaitan.

Dari keseluruhan itu, dengan hukum kehendak Allah Ta'ala di luar kebiasaan terjadilah hal-hal luar biasa pada diri orang yang disihirkan.

Dan mengetahui sebab-sebab tersebut dari segi ia itu pengetahuan, tidaklah tercela. Tetapi tidaklah ia itu membawa kebaikan, selain daripada mendatangkan kemelaratan kepada makhluk Tuhan.

Jalan kepada kejahatan adalah kejahatan. Maka itulah sebabnya ilmu sihir itu menjadi ilmu yang tercela. Bahkan orang yang mengikuti seorang aulia Allah untuk dibunuhnya, di mana aulia itu sudah bersembunyi daripadanya pada suatu tempat yang terjamin, apabila orang menanyakan tempat aulia itu, maka tidak boleh memberitahukannya tetapi wajib berdusta.

Menerangkan tempat persembunyian aulia itu adalah menunjuk dan memfaedahkan pengetahuan tentang sesuatu, menurut yang sebenarnya. Tetapi itu tercela serta membawa kepada kemelaratan.

## **SEBAB KEDUA**

Bahawa ilmu itu menurut kebiasaannya memberi kemelaratan kepada yang memiliki ilmu itu sendiri, seperti ilmu nujum.

Ilmu nujum itu sendiri tidak tercela kerana ia terbahagi dua :

Bahagian hisab. Al-Quran sudah menerangkan bahawa perjalanan matahari dan bulan itu dengan hisab/perkiraan.

***“Matahari dan bulan itu beredar menurut hisab.”*** (Ar-Rahman : 5)

***“Kami tentukan bulan itu beberapa tempat tertentu sampai kembali ia seperti mayang yang sudah tua.”*** ( Yaasin : 39)

Hukum-hukum dan hasilnya kembali kepada membuat dalil atas segala kejadian dengan sebab-musababnya, yaitu menyerupai dengan cara doktor membuat dalil dengan detakan jantung kepada apa yang terjadi dari penyakit. Yakni mengetahui tempat berlakunya sunnah Allah dan aday kebiasaan-Nya pada makhluk-Nya.

Tetapi ilmu tadi dicela agama. Bersabda Nabi saw :

***“Apabila disebut takdir, maka peganglah. Apabila disebut bintang, maka peganglah. Dan apabila disebut sahabatku, maka peganglah.”***  
(Thabrani, dengan sanad baik).

***“Aku takut atas umat sesudahku 3 perkara : kezaliman imam-imam, percaya kepada bintang-bintang, dan pendustaan kepada takdir.”***  
(Ibnu Abdil Barr, sanad dhaif)

Umat bin Al-Khattab berkata : “Pelajarilah dari bintang-bintang itu apa yang dapat menunjukkan jalan kepadamu di darat dan di laut, kemudian berpeganglah kepada pengetahuan itu.

## INTIPATI KULIAH KALI INI

Pada dasarnya, semua ilmu adalah baik kerana ia membuatkan kita tahu perkara yang kita tidak tahu.

Namun begitu sesuatu ilmu itu dikira TERCELA apabila ia membawa keburukan kepada kita, ataupun sekurang-kurangnya ia tidak ada faedah.

Antara contoh istidraj ialah diizinkan Tuhan untuk menjayakan sesuatu perkara yang menarik adat (luar biasa) tetapi dengan kemurkaan-Nya.

### **Apakah maksud ilmu nujum?**

Ilmu bintang. Ada dua bahagian :

1. Ilmu nujum yang dibolehkan iaitu ilmu mencari arah, kedudukan planet, ilmu taqwim.
2. Ilmu nujum yang tidak dibolehkan iaitu ilmu tilik nasib dan ilmu sebab-musabab.

### **Bagaimana dengan ramalan cuaca?**

Boleh, kerana ia bersandarkan kepada ilmiah. Yang tak boleh ialah ilmu yang bersandarkan kepada agak-agak dan reka-reka.

Antara contoh mendustakan takdir ialah :

1. Menyalahkan Tuhan. Menganggap Tuhan tidak adil.
2. Tidak percaya yang Tuhan tahu segala perkara.

## MAKLUMAN

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas? Usah khuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini sudah ada **138 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 39 fail video. Selamat mengambil manfaat.

## **IMBASAN KULIAH YANG LEPAS**

Berdakwah tidak semestinya dengan mengajar dan menulis kitab sahaja. Kita boleh menunjukkan contoh, berbual, menulis, mengedar dan sebagainya.

### **Apakah ilmu laduni?**

Ilmu yang datang terus daripada Allah tetapi tidak sekuat wahyu.

### **Bagaimana hendak mendapatkan ilmu laduni?**

1. Belajar semua bahagian ilmu agama dan kuasai sebahagian besarnya.
2. Amalkan ilmu-ilmu yang sudah diketahui.
3. Banyakkan berfikir.

### **Apa akan berlaku sekiranya matahari hilang?**

1. Dunia jadi gelap gelita.
2. Tumbuh-tumbuhan mati.
3. Tiada air. Bumi jadi ketul ais keras.
4. Semua hidupan mati.

5 pakaian para ulama pengasas mazhab (mujtahid mutlak) :

1. 'Abid
2. Zahid
3. 'Alim
4. Faham maslahat umat
5. Ikhlas

Bukti **keikhlasan** IMAM MALIK ialah dia sanggup dicemeti kerana terus mengajar hadith tentang tidak jatuh talak orang yang dipaksakan walaupun dilarang oleh khalifah.

Bukti **kezuhudan** Imam Malik ialah dia tidak mempunyai rumah walaupun dia mampu memilikinya.

Bukti **kefahamannya akan kepentingan umat** ialah dia tidak bersetuju kitabnya dijadikan satu-satunya rujukan rasmi umat Islam.

Antara bukti **ke'olimannya** ialah nasihatnya kepada Khalifah Harun Ar-Rasyid tentang adab-adab menuntut ilmu.

Kita mestilah memuliakan ilmu dengan merendah diri mendatanginya walau sebesar manapun taraf diri kita di dunia ini.

IMAM ABU HANIFAH (Imam Hanafi) menghidupkan seluruh malamnya dengan hal ehwal agama. Ini menunjukkan **ke'abidannya**.

Bukti **kezuhudan** Imam Hanafi ialah dia sanggup dipukul 20 kali kerana menolak jawatan pengurus Baitul Mal.

Watak Imam Hanafi yang jelas ialah :

1. Pendiam
2. Selalu berfikir
3. Sedikit berbicara dengan manusia.

